

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT
NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 5 NOVEMBER 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 61

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1253-L51938
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah bank data berpusat bagi rujukan ke arah menangani masalah penipuan ijazah.
2. PR-1253-L52389
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan ingin menetapkan harga minimum bagi mengawal penurunan harga getah bagi membantu para penoreh getah dan kenapakah bantuan kewangan hanya diberikan kepada golongan nelayan sahaja atas alasan musim tengkujuh, sepatutnya para peneroka dan penoreh juga diberi subsidi yang sama.
3. PR-1253-L52590
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina satu Sekolah Vokasional di Parlimen Hulu Selangor; sekiranya ada, bila agaknya ia akan dibina dan sekiranya tidak, mengapa tidak boleh.
4. PR-1253-L51374
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah "Saman Postal" (Notis Pol 170A) yang dikeluarkan oleh PDRM semasa Ops Selamat sempena cuti Hari Raya Aidilfitri yang lepas.
5. PR-1253-L51310
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana Kementerian memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang baru berdaftar dengan CIDB untuk mendapat kontrak-kontrak Kerajaan.

6. PR-1253-L52971
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasil siasatan terhadap dakwaan awam wujudnya 78% penduduk sekitar Bukit Koman yang mengalami pelbagai simptom penyakit kulit disebabkan oleh penggunaan bahan kimia sianida dalam perlombongan emas di Bukit Koman, Raub Pahang.
7. PR-1253-L52280
Datuk Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan keselesaan dan kemudahan pengguna di Hentian Putra sebagai stesen bas ekspres ke Pantai Timur.
8. PR-1253-L52208
Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini rancangan Bank Negara Malaysia menubuhkan Bank Islam Mega (Mega Islamic Bank).
9. PR-1253-L51871
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menjalankan kajian berhubung dengan keperluan guna tenaga negara dengan bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta.
10. PR-1253-L53033
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah asas yang digunakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi mengenakan bayaran sehingga RM2,000 satu hari ke atas Jemaah Haji dan Umrah yang menggunakan *Internet Roaming*.
11. PR-1253-L51963
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan melalui program NKRA, ETP dan EPP mempunyai perancangan dan peruntukan untuk pembangunan tapak pelancongan di kawasan Parlimen Sibuti yang mempunyai kawasan berpotensi yang diiktiraf dunia seperti tapak khazanah dunia Gua Niah, Sibuti Coral Blue untuk aktiviti menyelam, hutan simpan bakau yang menjadi tempat persinggahan burung-burung seluruh dunia. Mengapa kawasan ini tidak tersenarai oleh pihak Kerajaan.
12. PR-1253-L51347
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 8 Mac 2011, berapa ramaikah dari kalangan golongan ini telah dapat diberi rumah, mohon data dikemukakan mengikut negeri.
13. PR-1253-L52829
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apa perancangan pihak Kementerian dalam memastikan Gagasan 1Malaysia benar-benar dapat dihayati oleh semua golongan belia di negara ini.

14. PR-1253-L51731
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terma utama kontrak Kerajaan membelanja RM80 juta setahun menyewa kereta dari Syarikat SPANCO selama 25 tahun untuk menjaga kenderaan rasmi Kerajaan serta apakah ia dibuat secara tender terbuka.
15. PR-1253-L51195
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah dan sebab projek-projek pembangunan prasarana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di kawasan Parlimen Setiawangsa yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan apakah tindakan DBKL untuk memastikan projek-projek ini akan dapat dipercepatkan terutamanya di kawasan perumahan awam dan rakyat.
16. PR-1253-L52425
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar jenayah mulai 2008-2012.
17. PR-1253-L52139
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat masalah penyakit dibawa oleh air di pedalaman baru-baru ini dan jika ya nyatakan langkah-langkah segera yang dijalankan pihak Kementerian untuk menangani masalah-masalah penyakit disebarluaskan oleh air seperti kolera dan taun di pedalaman Sarawak.
18. PR-1253-L52848
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk memastikan kelayakan pemohon untuk mendapatkan rumah PPR (Projek Perumahan Rakyat).
19. PR-1253-L51530
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan kadar inovasi di kalangan industri tempatan dan apakah langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan lagi ekosistem inovasi negara.
20. PR-1253-L51415
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status 250,204 orang anak luar nikah yang berdaftar di Malaysia sejak tahun yang lalu. Apakah usaha Kerajaan menangani isu zina yang semakin merebak dan mengurangkan kadar kelahiran anak haram di Malaysia.
21. PR-1253-L51647
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas yang menjadi keutamaan pihak Kerajaan dalam merangka Bajet 2013 yang bakal dibentangkan bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat terus diutamakan.

22. PR-1253-L52701
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Syarikat MMC akan mengambil alih pengurusan atau seluruh aset Syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).
23. PR-1253-L51238
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kesediaan Kementerian dalam mengenal pasti rumah terbuka rakyat yang dipilih di kalangan rakyat biasa untuk dijadikan sebagai ikon pelancongan terbaru.
24. PR-1253-L51256
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana wujudnya senarai nama pengundi tidak mempunyai "bin/binti" atau nama ayah dalam Daftar Pengundi 01 Jan - 31 Mac 2012 dan jumlah bilangan kes seperti ini di seluruh negara dan di setiap Kawasan Parlimen di Sabah.
25. PR-1253-L51079
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat kajian sistem AES yang dilaksanakan oleh Redflex di negara/bandar lain adalah efektif atau tidak sebelum kontrak diberikan kepada ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd.
26. PR-1253-L52367
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara mengikut sub komponen masing-masing bagi tempoh 2005-2011. Adakah ia berada di tahap yang sihat dan adakah negara mampu membayar balik hutang tersebut.
27. PR-1253-L51676
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dapatkah Kerajaan membangunkan pusat kraftangan di Bandar Limbang khususnya industri tenunan kain songket Jong Sarat dan Pua Kumbu yang semakin popular dan mendatangkan sumber pendapatan yang lumayan.
28. PR-1253-L51832
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kewujudan pasukan khas Kementerian dalam memantau caj perubatan berlebihan yang dikenakan oleh hospital swasta apabila pesakit membayar bil dengan menggunakan "*medical card*" atau kad kesihatan serta menyediakan talian aduan khas mengenai isu-isu berbangkit mengenai kad kesihatan.
29. PR-1253-L52240
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan daerah Tenom tidak mempunyai doktor gigi Kerajaan yang mana keperluan itu sangat mendesak. Bilakah pihak Kerajaan akan membekalkan dan melaksanakan keperluan tersebut.

30. PR-1253-L52737

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan diambil terhadap askar udara kanan Mohamad Shukri Bin Mohamad Yusop (No. Tentera 722620) di mana beliau menyatakan beliau terlibat dalam hal pencurian enjin F5 jenis J85-21 dan juga kes kecurian barang lain TUDM dan sekiranya tiada tindakan, kenapa.

31. PR-1253-L51098

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) bilangan pelajar lepasan STPM atau setaraf yang gagal mendapat program yang dipohon di IPTA bagi Sesi Kemasukan 2012; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan masalah akses dan ekuiti dalam pengajian tinggi negara yang berlarutan sekian lama sehingga menjelaskan peluang generasi muda melanjutkan pelajaran ke tahap tertiar dalam bidang-bidang kritikal.

32. PR-1253-L52122

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar warga asing yang sedang menuntut di IPTA dan IPS mengikut negara dan bidang serta tahap pengajian serta nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan hanya pelajar yang benar-benar layak sahaja dibenarkan mengikuti pengajian di IPT di negara ini.

33. PR-1253-L52329

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan diperingkat Kementerian untuk menghidupkan semula perkhidmatan kereta api dari Seremban ke Port Dickson yang mana ia dilihat sebagai salah satu lagi tarikan pelancong ke Bandar Port Dickson yang juga telah diisyiharkan sebagai Bandar Tentera.

34. PR-1253-L51326

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai status gred pegawai kanan polis yang tidak setimpal dengan perkhidmatan yang mereka berikan, berbanding dengan gred perkhidmatan dalam perjawatan pendidikan. (Perbandingan OCPD Gred 48 menjaga keselamatan satu daerah dengan Pengetua gred 54 untuk pentadbiran sebuah sekolah). Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaikkan gred perkhidmatan anggota polis ini.

35. PR-1253-L52807

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terhadap penjelasan nama baik dan imej negara di kaca mata dan radar pelabur asing, bersabit pelbagai dakwaan dan kontroversi dalam pemberian kontrak LRT Ampang dengan nilai RM960 billion kepada Konsortium George Kent yang melibatkan 8 pembida internasional berwibawa bersama rakan-rakan JV local mereka.

36. PR-1253-L51472
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) pelajar-pelajar yang menerima kelas pertama, kelas kedua atas dan kelas kedua bawah di keseluruhan IPTA di negara ini bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 menurut senarai pecahan kaum Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban; dan
 - (b) berapa ramaikah yang telah ditawarkan pekerjaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia mengikut senarai pecahan kaum dan pencapaian para pelajar IPTA-IPTA tersebut.
37. PR-1253-L52561
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini bagi projek Klinik Kesihatan Sibu Jaya, di Sibu Sarawak.
38. PR-1253-L52845
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauhmana keberkesanan polisi jaminan makanan yang dilaksanakan sekarang mampu mengubah taraf sosio ekonomi petani di negara kita.
39. PR-1253-L51808
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi berdaftar yang layak mengundi serta pengundi pos di Parlimen Balik Pulau semenjak PRU12 sehingga PRU13 yang akan datang serta jelaskan sebab/asas penambahan pengundi pos di kawasan Parlimen tersebut.
40. PR-1253-L52380
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah pengarah 1MDB, apakah kriteria lantikan, jumlah pelaburan, sumber dana dan apakah projek yang dilaksanakan oleh badan tersebut. Berikan pecahan projek-projek yang dijalankan mengikut pecahan negeri dan jumlah kos. Senaraikan secara terperinci setiap projek, lokasi, sasarannya dan kos di Pulau Pinang.
41. PR-1253-L51781
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sektor pendapatan negara yang menunjukkan pertumbuhan yang besar dan sila senaraikan tiga sektor pendapatan kasar Negara yang terbesar.
42. PR-1253-L51497
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah 'note book' Satu Malaysia yang diedarkan di Seluruh Malaysia setakat ini dan berapakah kosnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (D.R.31/2012) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2013 seperti berikut:-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (1 November, 2012)

2. (D.R. 32/2012) Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 - Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”
(27 September , 2012)

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

3. (D.R. 34/2012) Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 Bacaan Kali Yang Kedua

[Menteri Dalam Negeri]

4. (D.R. 35/2012) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2)
“
2012

[Menteri Kewangan]

5. PR-1253-U51929
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa seperti pengambilan dadah jenis lain, menghidu gam, menghidu petrol, menghidu tahi lembu, pengambilan daun ketum dan pil-pil khayal yang tidak tersenarai sebagai dadah berbahaya, adalah menghayalkan dan memudaratkan kesihatan para pengguna di atas.”

Dan mengambil maklum bahawa, pihak Polis dan pihak berkuasa lain tidak dapat menghalang dan mengambil tindakan ke atas pesalah di atas kerana kesalahan tersebut tidak termaktub dalam mana-mana Akta Kesalahan Pengambilan Dadah. Dan mengambil maklum bahawa, kebanyakkan mereka yang terlibat adalah dari kalangan mereka yang dibuang sekolah, penganggur dan muda mudi di mana, bagi memenuhi ketagihan mereka, mereka sanggup melakukan jenayah bagi mendapatkan wang. Kegiatan ini juga sering berlaku di kawasan setinggan. Maka dengan ini, Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar satu Akta dapat dapat diwujudkan bagi menangani gejala yang dimaksudkan di atas, secara efektif."

(Menteri Dalam Negeri)

6. PR-1253-U51933

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kesesakan jalan yang dihadapi oleh pengguna jalan raya Putatan-Papar amatlah serius dan pengguna merungut bahawa kesesakan jalan raya ini menyebabkan kesukaran hidup mereka dari segi masa terbuang dan wang ringgit ke atas kos petrol". Dan mengambil maklum bahawa, kemarahan pengguna ini selalu dilemparkan kepada Wakil-wakil Rakyat Tempatan kerana dikatakan tidak mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini. Dan mengambil maklum bahawa jalan raya 2 lorong terutama sekali Jalan Petagas-Sabindo tidak lagi dapat menampung jumlah kenderaan yang menggunakan laluan tersebut setiap hari. Dan mengambil maklum bahawa, selaku Wakil Rakyat, saya juga telah beberapa kali menyuarakan masalah ini di Dewan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menaik taraf jalan yang dimaksudkan ke jalan 3 lorong bagi mengatasi masalah yang disebutkan tadi."

(Menteri Kerja Raya)

7. PR-1253-U51939

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kebanyakkan kontraktor yang bernaung di bawah dewan-dewan Perniagaan dan Industri tidak mendapat peluang untuk mengerjakan projek-projek Kerajaan di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa ini menyebabkan para kontraktor yang bernaung di bawah Dewan perniagaan China, India dan Bumiputera lain merungut kerana kekurangan kerja. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyalurkan projek-projek Kerajaan kepada para kontraktor ini melalui dewan-dewan perniagaan mereka, sekali gus menampakkan Kerajaan ini adil, telus dan prihatin."

(Perdana Menteri)

8. PR-1253-U51944

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tambang bagi pengangkutan awam di negeri Sabah adalah terlalu tinggi kerana bahan bakar yang digunakan adalah petrol dan diesel. Dan mengambil maklum bahawa kesemua pengguna Perkhidmatan Awam ini adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan supaya Kerajaan memanjangkan penggunaan kenderaan gas cecair asli (NGV-Natural Gas Vehicle) ke negeri Sabah bagi mengurangkan bebanan rakyat selaras dengan konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri."

(Perdana Menteri)

9. PR-1253-U51948

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa keruntuhan moral golongan belia hari ini amat merunsingkan kerana kekurangan penekanan moral dan pendidikan agama mereka di peringkat sekolah, terutama sekali mereka dari kalangan bukan Islam. Dan mengambil maklum bahawa, para ibu bapa murid-murid bukan Islam khuatir bahawa anak-anak mereka tidak diberikan pendedahan moral yang secukupnya termasuklah hal penukaran agama mereka tanpa pengetahuan mereka. Maka, untuk menepis semua masalah, kekeliruan dan kekhawatiran di atas, Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memberikan masa 2-3 jam seminggu (waktu sekolah) kepada murid-murid bukan Islam untuk mendalami agama mereka masing-masing, penghayatan rukun negara, adat istiadat kaum mereka dan mempelajari bahasa ibunda mereka."

(Menteri Pelajaran)

10. PR-1253-U52166

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membahaskan sensitiviti agama dan kaum untuk mencari cara-cara memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat majmuk ini."

(Perdana Menteri)

11. PR-1253-U52168

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membincangkan dasar dan langkah untuk meningkatkan standard sukan di Malaysia, termasuk kewangan, akar umbi, persatuan dan latihan terutamanya selepas Olimpik London."

(Menteri Belia dan Sukan)

12. PR-1253-U51271

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dengan seriusnya mencadangkan agar hari Kemerdekaan "Malaysia" tidak disalah tafsir memandangkan perbezaan tahun bagi Semenanjung (Malaya) dengan Sabah dan Sarawak. Contohnya "Kemerdekaan 55 tahun" bukan keseluruhannya benar. Maka untuk diguna sebagai rekod Kerajaan maka Hari Kebangsaan bagi tarikh 31 Ogos dan Hari Malaysia bagi 16 September haruslah diperjelaskan demi untuk memperbetulkan rekod khasnya sejarah Malaysia bagi generasi rakyat yang menjunjung Kedaulatan Negara".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

13. PR-1253-U51273

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadang dan menetapkan satu penyeragaman harga-harga runcit bagi barang keperluan harian, binaan, pembangunan dan sebagainya demi mengukuhkan rakyat dalam slogan" Satu Malaysia". Tidak ada guna untuk melaung-laungkan slogan ini dengan adanya rakyat yang jauh ketinggalan taraf kehidupannya disebabkan perbezaan harga-harga. Maka satu pendekatan serius dan utama haruslah diimplementasikan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

14. PR-1253-U51275

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dengan tegasnya menetapkan agar Suruhanjaya Siasatan Diraja yang diumumkan bagi Sabah menjalankan kewajipan dengan penuh bertanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang berdaulat. Peningkatan penduduk Sabah yang sangat mendadak haruslah diambil perhatian utama di mana telah melambung tinggi sebanyak 390% dalam masa 40 tahun dari 1970-2010, khasnya dengan pertumbuhan satu kaum sahaja berbanding dengan kaum etnik yang lain tidak mencerminkan ketamadunan rakyat Sabah. Ordinan Kelahiran dan Kematian Sabah 1953 yang diisytihar sebagai Undang-Undang Persekutuan melalui warta LN 37/65 yang jelas mengutamakan proses lewat pendaftaran kelahiran melalui Mahkamah Sivil."

(Perdana Menteri)

15. PR-1253-U51453

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa Perdana Menteri telah pada awal tahun ini mengumumkan akan pembinaan enam (6) Sekolah Tamil yang baru tetapi sehingga kini tiada apa-apa tindakan susulan diambil untuk mengimplementasikan janji yang dibuat oleh Perdana Menteri dan dengan ini memohon Dewan Rakyat Yang Mulia ini mengarahkan Kerajaan menepati janjinya."

(Menteri Pelajaran)

16. PR-1253-U52728

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya ditubuhkan Bank Wakaf untuk mencegah harta orang Islam/Bumiputera terjual serta membangunkan harta tersebut secara komersial ."

(Perdana Menteri)

17. PR-1253-U52729

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula caj insurans kenderaan motorsikal diturunkan tanpa mengenakan loading yang membebankan rakyat. Naikkan bayaran cukai jalan dari RM 2 ke RM 10 sebab kenaikan cukai jalan akan meningkatkan pendapatan kerajaan dan dinikmati oleh rakyat, manakala kenaikan insurans hanya dinikmati oleh syarikat sahaja."

(Menteri Kewangan)

18. PR-1253-U52731

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barang seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

19. PR-1253-U52732

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & GO untuk mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen stesen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

20. PR-1253-U52734

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak berkuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya supaya mengkaji semula dan menaikkan kadar had laju kenderaan dari 110 Km/jam ke 130 Km/jam (lebuh raya) kerana kenderaan pada masa kini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi."

(Menteri Kerja Raya)

21. PR-1253-U52840

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menamakan "Stadium Badminton Kuala Lumpur" kepada "Akademi Badminton Punch Gunalan" sebagai mengenang jasa dan sumbangan mendiang Datuk Punch Gunalan kepada negara dalam bidang dan pembangunan sukan badminton."

(Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar)

22. PR-1253-U52842

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengeluarkan lesen kepada mana-mana pihak yang berkelayakan untuk menuju dan menjalankan khidmat penerbangan kos rendah sebagai alternatif dan/ atau tambahan kepada syarikat penerbangan AirAsia dengan syarat ia menjadikan terminal KLIA 2 sebagai hub operasi mereka."

(Menteri Pengangkutan)

23. PR-1253-U52843

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menjadikan tarikh 13 Mei setiap tahun sebagai "Hari Mahabbah" sebagai memperingati peristiwa hitam rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 agar rakyat bukan sahaja tidak lupa sejarah hitam tersebut serta dalang-dalang dan punca terjadinya peristiwa tersebut, malahan yang lebih penting untuk menyedarkan rakyat betapa pentingnya toleransi agama dan perkauman diamalkan di negara ini agar rakyat boleh terus hidup dalam suasana aman dan harmoni dan keselamatan negara dan ketenteraman awam terus terpelihara daripada anasir-anasir cauvinis dan perkauman sempit yang cuba diterapkan oleh segelintir rakyat Malaysia."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

24. PR-1253-U52846

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindak tanduk sebuah syarikat yang didaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan nama Suara Inisiatif Sdn. Bhd. tetapi menjalankan kegiatan dan aktiviti seperti sebuah badan bukan kerajaan dengan nama dan gaya "Suara Rakyat Malaysia @ Suaram" yang berterusan menjalankan kegiatan memburuk-burukkan kepimpinan negara khususnya YAB Perdana Menteri dengan putar-belit isu Scorpene dan kaitannya dengan wanita Mongolia bernama Altantuya Shaaribu; dan mendesak pihak berkuasa supaya menyiasat pendedahan bahawa syarikat ini menerima dana bantuan asing untuk kegiatan dan aktivitinya."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

25. PR-1253-U52849

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindakan tiga (3) orang pegawai dan diplomat Suruhanjaya Tinggi Singapura yang terbabit dan/ atau melibatkan diri dan/ atau hadir semasa himpunan haram 28 April 2012 yang dilabel sebagai Himpunan Bersih 3 dan mendesak Kerajaan supaya melucutkan status diplomatik mereka dan/ atau mengisyiharkan mereka sebagai persona-non-grata dan mendesak Kerajaan Singapura supaya memanggil ketiga-tiga pegawai & diplomat tersebut kembali ke Singapura dan selanjutnya menuntut Kerajaan Singapura memohon maaf atas tindakan pegawai dan diplomatnya tersebut dan memberi jaminan ianya tidak akan berulang lagi."

(Menteri Luar Negeri)

26. PR-1253-U52854

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:- tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan diganti dengan perkataan berikut; dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya.

Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut : Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubhsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam."

(Perdana Menteri)

27. PR-1253-U52858

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.

Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syara' dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban di sekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, perlaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara' dan lain-lain."

(Perdana Menteri)

28. PR-1253-U52861

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya.

Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwara dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalahtafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi."

(Perdana Menteri)

29. PR-1253-U52863

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (Courts of Judicature Act 1964) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukan baru di Seksyen 4 seperti berikut: Seksyen 4A: Di dalam keadaan dimana terdapat isu dan/ atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan/atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka Mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu kepada Mahkamah Syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman; dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah bagi isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu hendaklah mengikat Mahkamah tersebut. Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di Mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh Mahkamah sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku di dalam kes Maria Hertogh @ Natrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan keislaman Natrah dan perkahwinan Natrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syara' keislaman dan perkahwinan Natrah adalah sah kerana beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau. Begitu juga di dalam beberapa kes dimana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi Mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukan seperti yang dicadangkan di atas wujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut."

(Perdana Menteri)

30. PR-1253-U52866

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak keatasnya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah sivil tidak boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah sivil di mana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fadhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengkebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukkan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi."

(Perdana Menteri)

31. PR-1253-U52868

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Mahkamah sivil yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidang kuasa mutlak menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie. Ini adalah kerana kalau Mahkamah sivil tersebut mencampuri urusan hak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie, apakah itu bermakna Mahkamah Syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidang kuasa Mahkamah sivil untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sivil di Mahkamah sivil."

(Perdana Menteri)

32. PR-1253-U52870

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada di mana-mana Akta atau Enakmen Syariah. Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu dan bersesuaian dengan Artikel 3 dan Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan berkenaan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan hak kebebasan menganut dan mengamalkan agama masing-masing."

(Perdana Menteri)

33. PR-1253-U52872

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1434 (Peringkat Antarabangsa) ataupun Tokoh Perdana Maulidur Rasul 1434 (Peringkat Antarabangsa) kepada saudara Yusuf Islam @ Cat Steven bagi mengenang jasa saudara Yusuf Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada usaha menyebarkan risalah Islam dan kerja-kerja dakwah ke seluruh dunia."

(Perdana Menteri)

34. PR-1253-U52873

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran "TUN" secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Muhammad Idris Al Marbawi dan Allahyarham Sahibul Fadhilah Sheikh Abdullah Bin Basmeih dan menubuhkan kerusi khas atas nama mereka di mana-mana Universiti atau Institusi Pengajian Tinggi terpilih bagi mengenang jasa mereka yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan pengembangan dakwah dan ilmu Islam melalui karya-karya besar mereka dan lain-lain usaha yang telah mereka lakukan."

(Perdana Menteri)

35. PR-1253-U52874

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sasterawan Negara Usman Awang bagi mengenang jasa beliau yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan bahasa Melayu melalui karya-karya besarnya dan lain-lain usaha yang telah Allahyarham lakukan."

(Perdana Menteri)

36. PR-1253-U52876

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan/ atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan/ atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (Criminal Registration Center)."

(Perdana Menteri)

37. PR-1253-U52877

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihan raya umum untuk menentukan calon yang mengganti dan/ atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekali gus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politik tanpa kesudahan."

(Perdana Menteri)

38. PR-1253-U52878

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya menubuhkan sebuah badan dikenali sebagai Majlis Ulama Negara dan melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

Selanjutnya Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidang kuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasakan dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/ atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)."

(Perdana Menteri)

39. PR-1253-U52879

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut persempadanan sebelum tahun 1967 dan menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai "Jawatankuasa Caucus bagi Palestin" dengan melantik YB Kepala Batas (atau mana-mana Ahli Parlimen yang dipertimbangkan sesuai) sebagai Pengurus Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri Negara Palestin."

(Perdana Menteri)

40. PR-1253-U52881

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadau dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengurus Jawatankuasa Khas tersebut."

(Perdana Menteri)

41. PR-1253-U52882

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut."

(Menteri Pelajaran)

42. PR-1253-U52883

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiaran dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

43. PR-1253-U52884

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman kepada penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta."

(Menteri Dalam Negeri)

44. PR-1253-U52886

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syarak termasuk untuk memakai tudung dan pakaian menutup aurat dan boleh memilih untuk tidak menyediakan dan atau menghidangkan arak semasa dalam penerbangan."

(Menteri Pengangkutan)

45. PR-1253-U52887

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan."

(Menteri Pengangkutan)

46. PR-1253-U52889

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri,Koperasi dan Kepenggunaan hanya memberikan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya di premis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan di premisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi di mana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlik dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

47. PR-1253-U52891

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Perdana Menteri supaya dengan segera mengujudkan Kementerian Hal Ehwal Sabah & Sarawak (atau singkatannya "KHASS") dengan seorang Menteri berjawatan penuh untuk menjaga hal ehwal pembangunan, infrastruktur, kebijakan dan kepentingan rakyat Sabah & Sarawak termasuk memberi portfolio berkaitan Koridor Ekonomi Sabah/ Sarawak, dan kesemua agensi pembangunan Persekutuan mestilah melalui Kementerian ini supaya segala projek pembangunan & infrastruktur di Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan dan dikawal selia serta dipantau dengan lebih berkesan."

(Perdana Menteri)

48. PR-1253-U52893

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian,

menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkuatkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini."

(Perdana Menteri)

49. PR-1253-U52896

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/ atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim."

(Menteri Dalam Negeri)

50. PR-1253-U52898

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya memberikan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun; Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai beneficiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara' dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman si mati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan di dalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa tersebut."

(Menteri Kewangan)

51. PR-1253-U52900

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu-bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu-bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki; Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam syllabus latihan kepada pelatih-latih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail di mana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkuuh dan memperkuatkan aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN."

(Menteri Pertahanan)

52. PR-1253-U52906

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuahkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Syukarno. Dewan mengambil perhatian bahawa perlaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil."

(Menteri Dalam Negeri)

53. PR-1253-U52419

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan untuk memohon kepada pihak International Olympic Committee (IOC) untuk menjadikan acara Sukan Skuasy sebagai salah satu acara yang dipertandingkan di Sukan Olimpik yang akan datang di Rio De Janeiro, Brazil pada tahun 2016 memandangkan Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David adalah jaguh handalan dunia bagi acara tersebut."

(Menteri Belia dan Sukan)

54. PR-1253-U52423

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan supaya pihak Kerajaan membuat pindaan yang sewajarnya kepada undang-undang jenayah yang tertentu dengan memansuhkan hukuman mati."

(Menteri Dalam Negeri)

55. PR-1253-U52429

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan yang akan diambil untuk memantau status kualiti udara di seluruh negara yang tidak sihat dan isu jerebu di negara ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

56. PR-1253-U52435

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan supaya semua aset-aset yang dimiliki oleh pihak Kerajaan dapat didedahkan kepada pengetahuan orang ramai."

(Perdana Menteri)

57. PR-1253-U52452

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan apakah program jangka panjang yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membangunkan dan meningkatkan tahap aktiviti dan penyertaan sukan dalam kalangan masyarakat, Latihan kepada atlet, jurulatih dan pegawai sukan untuk pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya lebih banyak pingat diperolehi dalam pertandingan sukan antarabangsa seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan SEA dan Sukan Olimpik."

(Menteri Belia dan Sukan)

58. PR-1253-U52457

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengawal kualiti barang-barang yang terlalu banyak dibawa masuk ke negara ini daripada negara China terutamanya barang-barang makanan dan barang-barang elektronik yang pelbagai jenamanya."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

59. PR-1253-U52461

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan mengenai langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil untuk memupuk perpaduan di antara kaum-kaum di negara ini supaya isu-isu perkauman dapat dihindari bagi mengekalkan keharmonian dan kedamaian kerana negara yang aman dan damai dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan rakyatnya."

(Perdana Menteri)

60. PR-1253-U52470

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan membincangkan mengenai kesan sosial kepada masyarakat setempat kerana sejak kebelakangan ini masyarakat setempat kecewa dan marah kepada segelintir pelajar antarabangsa di sini yang dikatakan terbabit dalam kegiatan jenayah dan ada yang bersikap tidak menghormati budaya tempatan."

(Menteri Dalam Negeri)

61. PR-1253-U52476

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk membincangkan supaya cukai taksiran yang dibayar kepada Majlis Perbandaran Tempatan dapat dikurangkan sebanyak 50% dan perlu dibayar hanya sekali setahun (untuk 12 bulan) untuk mengurangkan bebanan rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

62. PR-1253-U52483

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan supaya Lebuh raya Utara Selatan dapat ditambah laluannya untuk mengelakkan kesesakan jalan raya pada hujung minggu dan semasa musim perayaan. Kualiti dan keadaan jalan juga perlu ditingkatkan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya."

(Menteri Kerja Raya)

63. PR-1253-U52485

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk membahaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian untuk mengawal warga asing yang memiliki perniagaan-perniagaan kecil di bandar-bandar besar yang menyebabkan kesukaran bagi peniaga-peniaga tempatan bermiaga dan menyebabkan mereka gulung tikar."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan)

64. PR-1253-U52942

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

65. PR-1253-U52506

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

66. PR-1253-U52514

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Perdana Menteri)

67. PR-1253-U52520

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahaha Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai pelantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)